



# Sejarah Ringkas Penubuhan Jabatan Alam Sekitar (1975-1995)

Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar  
Malaysia  
15 April 1995

# Sejarah Ringkas Penubuhan Jabatan Alam Sekitar (1975-1995)

Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar  
Malaysia  
15 April 1995  
ISBN No: 983-9119-40-0

## PENDAHULUAN

Sejak ditubuhkan dalam tahun 1975, Jabatan Alam Sekitar telah melalui berbagai perubahan dan perkembangan seiring dengan arus pembangunan negara yang pesat. Kini, setelah 20 tahun ditubuhkan, Jabatan Alam Sekitar terus memainkan peranan penting dalam memelihara kualiti alam sekeliling bagi menjamin pembangunan yang berterusan dan kemakmuran negara agar tidak terganggu. Buku ini menyingkap kembali secara ringkas sejarah penubuhan dan perkembangan Jabatan Alam Sekitar sejak mula ditubuhkan.

## PENUBUHAN ORGANISASI

Awal dekad tujuh puluhan merupakan satu era di mana kesedaran dan kepekaan terhadap pemeliharaan alam sekitar mula bertapak di negara ini. Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Manusia dan Alam Sekitarnya di Stockholm, dalam tahun 1972 juga telah mempengaruhi pentadbiran negara untuk menubuhkan satu agensi bagi mengurus hal-ehwal yang berkaitan dengan alam sekitar.

Bagi menghadapi masalah pencemaran dan pemeliharaan kualiti alam sekitar, pihak Kerajaan pada ketika itu merasakan perlu ada satu akta yang mampu menangani masalah tersebut. Sehubungan dengan itu, satu akta yang dinamakan Akta Kualiti Alam Sekeliling telah dirangka. Akta tersebut telah diluluskan sebagai satu undang-undang pada 14 Mac 1974 dan mula dikuatkuasakan pada 15 April 1975. Kerja-kerja awal pelaksanaan dan pentadbiran Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dijalankan oleh Bahagian Perancang Am, Jabatan Perdana Menteri. Memandangkan terdapat beberapa kuasa yang luas di bawah akta tersebut, maka sebuah agensi yang khusus perlu ditubuhkan untuk melaksanakannya. Dengan itu, Bahagian Alam Sekitar telah ditubuhkan dengan rasminya pada 15 September 1975 di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar. Kerja-kerja awal pengurusan alam sekitar dipindahkan ke Bahagian ini. Dalam bulan April 1976, Bahagian Alam Sekitar dipindahkan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Menteri yang bertanggungjawab pada masa itu ialah Tan Sri Ong Kee Hui. Pada 1 September 1983, Bahagian Alam Sekitar dinaikkan taraf kepada sebuah Jabatan sepenuhnya.

## SEJARAH PENTADBIRAN

### Nama Agensi:

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

### Tarikh Penubuhan:

Ditubuhkan pada 15 September 1975 sebagai Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar. Dalam bulan Mac 1976, Bahagian Alam Sekitar ditempatkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan mulai 1 September 1983, dinaikkan taraf kepada sebuah Jabatan sepenuhnya. Ianya ditubuhkan berasaskan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 yang diwartakan pada 14 Mac 1974 dan dikuatkuasakan pada 15 April 1975.

### Objektif Organisasi:

Matlamat utama Jabatan Alam Sekitar adalah untuk memastikan keunikan, kepelbagaian dan kualiti alam sekitar dikekalkan bagi menjamin kesihatan, kesejahteraan, keselamatan dan kesejahteraan hidup rakyat pada masa kini dan masa-masa akan datang.

### Fungsi Organisasi:

Mulai Ogos 1991, Jabatan Alam Sekitar telah berfungsi mengikut struktur yang terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian Pembangunan, Bahagian Pencegahan, Bahagian Pengawasan dan Bahagian Pentadbiran serta 13 Pejabat Wilayah/Negeri seperti berikut:

- (a) Bahagian Pembangunan berfungsi untuk merangka dan melaksanakan program-program pembangunan selaras dengan strategi pengurusan alam sekitar. Program yang berkaitan adalah mengkaji peraturan, garis panduan, penilaian beban pencemaran, kriteria dan standard untuk kawalan alam sekitar, kajian-kajian khas serta pemerosesan data elektronik. Di samping itu, Bahagian ini juga bertanggungjawab menguruskan hal ehwal kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Negeri, Serantau ASEAN dan Antarabangsa

serta menyebarkan maklumat-maklumat alam sekitar dan menggalakkan program-program kesedaran dan pendidikan alam sekitar;

- (b) Bahagian Pencegahan berfungsi untuk menilai, menyelaraskan dan memajukan aktiviti-aktiviti berkaitan pembangunan yang besar kemungkinan menimbulkan kesan-kesan negatif kepada alam sekitar, termasuk EIA, memberi input kepada perancangan guna tanah dan sumber-sumber semulajadi, khidmat nasihat kepada pelabur dan usaha-usaha peningkatan kualiti alam sekitar;
- (c) Bahagian Pengawasan berfungsi untuk mengawasi, menguatkuasakan dan melaksanakan program dan aktiviti-aktiviti selaras dengan kehendak-kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, merancang dan melaksanakan program pengawasan kualiti alam sekitar dan menyediakan maklumat keadaan kualiti alam sekeliling;
- (d) Bahagian Pentadbiran berfungsi untuk memberi khidmat sokongan pengurusan, mengendalikan hal-chwal pentadbiran termasuk perkhidmatan, kewangan, urusetia latihan serta menjalankan aktiviti dan program penyelarasan dengan agensi-agensi tempatan dan luar negeri, serta Pejabat-pejabat JAS Wilayah dan Negeri;
- (e) Pejabat-pejabat Wilayah dan Negeri berfungsi untuk menjalankan kerja-kerja pengawasan dan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, memberi khidmat nasihat kepada kerajaan negeri dan tempatan mengenai input alam sekitar dalam projek-projek pembangunan, dan meningkatkan kerjasama dengan kerajaan negeri dalam pengurusan dan perlindungan alam sekitar.

#### Struktur Organisasi:

Ketika ditubuhkan pada tahun 1975, Jabatan Alam Sekitar melaksanakan fungsi-fungsinya melalui struktur yang terdiri daripada tiga bahagian utama seperti Rajah 1. Untuk menangani masalah alam sekitar yang kian kompleks dan meningkatkan kecekapan operasi, beberapa perubahan telah dilakukan dan 20 tahun selepas ditubuhkan, Jabatan berfungsi melalui struktur yang terdiri daripada empat bahagian utama di Ibu Pejabat dan 13 Pejabat-pejabat di peringkat negeri seperti Rajah 2.

## PERKEMBANGAN PENTADBIRAN

| Bahagian/Unit          | Tahun<br>Diwujudkan | Fungsi Utama                                                                                                                                                     |
|------------------------|---------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1975 - 1980            |                     |                                                                                                                                                                  |
| Bahagian Alam Sekitar: |                     |                                                                                                                                                                  |
| Unit Pencemaran Air    | 1975                | Menyusun dan melaksanakan program kebangsaan bagi mencegah dan mengawal pencemaran air dan melindungi kualiti air dan pantai.                                    |
|                        | 1978                | Penubuhan Rangkaian Stesen Pengawasan Kualiti Air di seluruh negara.                                                                                             |
| Unit Pencemaran Udara  | 1975                | Menyusun dan melaksanakan program kebangsaan bagi mencegah dan mengawal pencemaran udara dan melindungi kualiti udara, perlindungan radioaktif dan bunyi bising. |
| Unit Pentadbiran       | 1975                | Khidmat sokongan:<br>Pengurusan perkhidmatan, perjawatan, belanjawan dan latihan.                                                                                |
|                        | 1979                | Bermulanya kerja-kerja menyelaras aktiviti-aktiviti pendidikan dan kesedaran alam sekitar termasuk INFOTERRA                                                     |

1981 - 1983

Bahagian Alam Sekitar (sehingga 31 Ogos 1982), Jabatan Alam Sekitar (mulai 1 Sept. 83):

| Bahagian/Unit                                                            | Tahun<br>Diwujudkan | Fungsi Utama                                                                                                                  |
|--------------------------------------------------------------------------|---------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Seksyen Pembangunan<br>dan Perancangan                                   | 1981                | Merancang dan memajukan projek-projek dan aktiviti pengurusan alam sekitar mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (AKAS) |
| Seksyen Kawalan<br>Pencemaran Alam Sekitar                               | 1981                | Penguatkuasaan AKAS 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya untuk mengawal sebarang bentuk pencemaran.                       |
| Seksyen Pentadbiran<br>dan Kewangan                                      | 1981                | Menyelaras perancangan tenaga manusia serta pentadbiran hal ehwal kewangan jabatan.                                           |
| 6 Pejabat Wilayah:                                                       |                     | Melaksanakan program penguatkuasaan dan pengawasan dan penilaian awal tapak projek industri.                                  |
| Wilayah Utara -<br>Perlis/Kedah/<br>P.Pinang/Perak                       | 1981                |                                                                                                                               |
| Wilayah Tengah -<br>Selangor/W.Persekutuan/<br>Negri Sembilan/<br>Melaka | 1981                |                                                                                                                               |
| Wilayah Selatan - Johor                                                  | 1981                |                                                                                                                               |
| Wilayah Timur -<br>Pahang/Terengganu/<br>Kelantan                        | 1981                |                                                                                                                               |
| Wilayah Sabah                                                            | 1981                |                                                                                                                               |
| Wilayah Sarawak                                                          | 1981                |                                                                                                                               |

| Bahagian/Unit                                    | Tahun<br>Diwujudkan | Fungsi Utama                                                                                                                                                                            |
|--------------------------------------------------|---------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1984 - 1990                                      |                     |                                                                                                                                                                                         |
| Jabatan Alam Sekitar:                            |                     |                                                                                                                                                                                         |
| Bahagian Pembangunan dan Perancangan             | 1984                | Merancang, menilai, menyusun, menyelaraskan dan memajukan aktiviti-aktiviti pengurusan alam sekitar mengikut kehendak AKAS 1974.                                                        |
| Bahagian Operasi                                 | 1984                | Merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti dan program-program penguatkuasaan dan pengawasan selaras dengan kehendak AKAS 1974.                                                       |
| Bahagian Pentadbiran dan Kewangan                | 1984                | Mengendalikan hal ehwal perhubungan dan penyelarasan Jabatan Alam Sekitar dengan kerajaan negeri. Mengendalikan hal ehwal perkhidmatan, perjawatan, peperiksaan jabatan dan belanjawan. |
| 8 Pejabat Wilayah:                               |                     | Menjalankan program penguatkuasaan dan pengawasan. Menilai dan memproses cadangan penempatan projek industri dan projek-projek pembangunan yang lain berdasarkan AKAS 1974.             |
| Wilayah Utara -<br>Perlis/Kedah/<br>Pulau Pinang | 1981                |                                                                                                                                                                                         |
| Wilayah Perak                                    | 1985                |                                                                                                                                                                                         |

| Bahagian/Unit                                                        | Tahun<br>Diwujudkan | Fungsi Utama                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|----------------------------------------------------------------------|---------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Wilayah Tengah -<br>Selangor/W.Persekutuan/<br>Negri Sembilan/Melaka | 1981                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| Wilayah Selatan - Johor                                              | 1981                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| Wilayah Timur - Pahang                                               | 1981                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| Wilayah Timur Laut -<br>Terengganu/Kelantan                          | 1984                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| Wilayah Sabah                                                        | 1981                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| Wilayah Sarawak                                                      | 1981                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| 1991 - 1995                                                          |                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| Jabatan Alam Sekitar:                                                |                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| Bahagian Pembangunan                                                 | 1991                | Merangka dan melaksanakan program-program pembangunan selaras dengan strategi pengurusan alam sekitar. Program yang berkaitan adalah mengkaji peraturan, garis panduan, penilaian beban pencemaran, kriteria dan standard untuk kawalan alam sekitar, kajian khas, pemerosesan data elektronik dan juga menguruskan hal ehwal kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Negeri, Serantau ASEAN dan antara-bangsa, serta menyebarkan maklumat-maklumat alam sekitar dan menggalakkan program-program kesedaran dan pendidikan alam sekitar. |

| Bahagian/Unit                     | Tahun<br>Diwujudkan | Fungsi Utama                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-----------------------------------|---------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bahagian Pengawalan               | 1991                | Mengawasi, menguatkuasa dan melaksanakan aktiviti dan program selaras dengan kehendak-kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. (Pindaan 1985)                                                                                                                                                                                 |
| Bahagian Pencegahan               | 1991                | Menilai, menyelaraskan dan memajukan aktiviti-aktiviti berkaitan pembangunan yang besar kemungkinan menimbulkan kesan-kesan negatif kepada alam sekitar, termasuk EIA, memberi input kepada perancangan guna tanah dan sumber-sumber semulajadi, khidmat nasihat kepada pelabur dan usaha-usaha peningkatan kualiti alam sekitar. |
| Bahagian Pentadbiran dan Kewangan | 1985                | Memberi khidmat sokongan pengurusan, mengendalikan hal-ehwal pentadbiran termasuk perkhidmatan, kewangan, urusetia latihan serta penyelarasan dengan kerajaan negeri.                                                                                                                                                             |
| 13 Pejabat Negeri                 |                     | Melaksanakan program penguatkuasaan dan pengawasan, menilai dan memproses projek industri dan pembangunan, memberi input alam sekitar kepada kerajaan negeri untuk projek pembangunan.                                                                                                                                            |

| Bahagian Unit          | Tahun<br>Diwujudkan | Fungsi Utama |
|------------------------|---------------------|--------------|
| Kedah/Perlis           | 1992                |              |
| Pulau Pinang           | 1981                |              |
| Perak                  | 1985                |              |
| Selangor               | 1981                |              |
| Wilayah Persekutuan KL | 1995                |              |
| Melaka                 | 1992                |              |
| Negri Sembilan         | 1994                |              |
| Johor                  | 1981                |              |
| Pahang                 | 1981                |              |
| Terengganu             | 1984                |              |
| Kelantan               | 1995                |              |
| Sarawak                | 1981                |              |
| Sabah                  | 1981                |              |

## PERSONALITI

Menteri/Timbalan Menteri



Y.B. Datuk Law Hieng Ding PBS, KMN, PBJ, PNBS. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, merupakan ahli politik yang paling lama berkhidmat di bidang alam sekitar. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Setiausaha Parlimen untuk Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan (1.2.74 - 3.3.76) kemudian Setiausaha Parlimen di Kementerian Sains, Teknologi & Alam Sekitar dari 4.3.76 - 19.5.87. Beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri dari 20.5.87 - 27.10.90 dan menjadi Menteri dari 27.10.90 hingga sekarang.



Y.B. Tan Sri Ong Kee Hui  
(Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar: 1976 - 1982)



Y.B. En. Peter Chin Fah Kui  
(Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar: 27.10.90 - 6.4.95)



Y.B. Datuk Amar Stephen K.T. Yong (Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar: 1982 - 1989)

## Ketua Pengarah Alam Sekitar



Dato' Hamzah Abdul Majid, DPMS,  
SMS, KMN (Ketua Pengarah Alam  
Sekitar: 1974 - 1977)



En. S.T. Sundram, JSM  
(Ketua Pengarah Alam Sekitar:  
1977 - 1984)




En. A. Maheswaran a/l Appadurai,  
KMN (Ketua Pengarah Alam  
Sekitar: 1984 - 1987)




Ir. Goh Kiam Seng, KMN  
(Ketua Pengarah Alam Sekitar:  
1987 - 1990)



Dato' Dr. Abu Bakar Jaafar,  
DPMP, JSM, KMN  
(Ketua Pengarah Alam Sekitar:  
1990 - sekarang)



Rajah 1. Struktur Organisasi Bahagian Alam Sekitar, 1975



Rajah 2. Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar, 1995.

## TERBITAN-TERBITAN JABATAN ALAM SEKITAR

- Laporan Tahunan 1974/1975 Alam Sekitar
- Environmental Quality Report
- Progress in Malaysia Towards Environmentally Sound and Sustainable Development (ESSD) 1976-1990
- Environmental Requirements: A Guide to Investors
- Environmental Impact Assessment (EIA): Procedure and Requirements in Malaysia
- Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA): Prosedur dan Keperluan di Malaysia
- Kuala Lumpur Declaration on Environment and Development
- Rio Declaration on Environment and Development
- The Langkawi Declaration on the Environment
- The Kuala Lumpur Accord on Environment and Development
- SEKITAR
- Berita EIA
- A Handbook of Environmental Impact Assessment Guidelines
- International Register of Potentially Toxic Chemicals (IRPTC)
- Ringkasan Strategi Rancangan Perlindungan Lapisan Ozon, 1990-2000
- Strategi Rancangan Perlindungan Lapisan Ozon

- The Montreal Protocol and ODS Alternatives Developments
- Malaysia Country Programme to Reduce and Eliminate the Consumption and Emissions of Ozone Depleting Substances
- Perkembangan Terkini Protokol Montreal
- Malaysian Strategy for Ozone Layer Protection
- Laporan Kajian Ulangkaji Undang-Undang Alam Sekitar
- Guidelines for the Export of Scheduled Wastes
- Guidelines for Storage of Scheduled Wastes
- Guidelines for the Import of Scheduled Wastes
- Code of Practice Manual for Service Stations
- Kod Amalan Bagi Stesen-Stesen Servis
- Garispanduan Bagi Penstoran Buangan Terjadual
- Garispanduan Prosedur Mengeksport Buangan Terjadual
- Garispanduan Bagi Mengimport Buangan Terjadual
- Environmental Information Series No. 1: Acid Rain
- Environmental Information Series No. 2: Sources of Groundwater Pollution
- ODS Solvents
- Guidelines on Control Measures for the Protection of Ozone Layer

- Fifth Meeting of the Parties to the Montreal Protocol on Substances that Deplete the Ozone Layer
- Significant New Alternatives List (SNAL)
- Skim Pengurusan dan Pengurangan Klorofluorokarbon (CFC 12) pada Sektor Pendingin Kenderaan (MAC)
- Guideline of a Project Preparation under the Multilateral Fund
- The Sooner the Better for the Protection of the Ozone Layer
- IMPAK (National EIA Newsletter)
- Environmental Impact Assessment Guidelines for Coastal Resort Development Projects
- Environmental Impact Assessment Guidelines for Industrial Estate Development
- Environmental Impact Assessment Guidelines for Petrochemical Industries
- Garispanduan Penilaian Kesan kepada Alam Sekitar bagi Pembangunan Padang Golf
- Buku Panduan Kawasan Sensitif Alam Sekitar
- Monograf Forum Etika dan Alam Sekitar
- Malaysia: Soal Jawab Dewan Negara Mengenai Alam Sekitar 1977-1993
- Malaysia: Soal Jawab Dewan Rakyat Mengenai Alam Sekitar 1976-1993
- Era Hijau (majalah sukutahunan)

- Keprihatinan Menangani Protokol Montreal, 1985 – 1994
- ODS Directory
- Project Management Office for the Montreal Protocol Unit

## PENCAPAIAN

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, aktiviti-aktiviti JAS lebih ditumpukan kepada strategi pencegahan berbanding dengan strategi pemulihan. Di samping itu, kawalan dan pengurangan pencemaran melalui penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya diteruskan. Pencemaran air hasil dari industri kelapa sawit dan getah telah berjaya dikurangkan sebanyak 90%. Sebaliknya, pelepasan dari kenderaan bermotor telah dikenalpasti sebagai punca utama pencemaran udara. Rajah 3 menunjukkan hasil daripada peningkatan pematuhan penguatkuasaan seperti pematuhan asap hitam kenderaan berenjin diesel yang telah meningkat sebanyak 119%.

Pendidikan dan penyebaran maklumat alam sekitar, sebagai alat untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan orang ramai yang juga bertindak sebagai strategi pencegahan dalam pengurusan alam sekitar, terus diberi keutamaan. Oleh itu program ini telah dipertingkatkan dan ini digambarkan dalam *peningkatan* bilangan pameran, taklimat dan ceramah kepada pelajar-pelajar dan orang awam, peningkatan bilangan pengguna perpustakaan JAS, dan liputan akhbar mengenai alam sekitar yang meningkat sebanyak 25% setiap tahun seperti di Rajah 3 dan 4. Program-program pembangunan yang lain yang telah dipertingkatkan ialah kajian semula undang-undang, penggubalan dasar alam sekitar negara serta melaksanakan kajian-kajian untuk membangunkan standard dan kriteria bagi alam sekitar.

Dalam usaha mengintegrasikan pertimbangan alam sekitar ke dalam perancangan sumber semulajadi, Jabatan Alam Sekitar telah meningkatkan kerjasama dengan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Kertas-kertas kerja mengenai perancangan pengurusan alam sekitar telah dibentang dan dibincangkan di pelbagai forum seperti Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri, Majlis Tanah Negara, Majlis Kerajaan Tempatan dan Mesyuarat Menteri dan Ahli EXCO yang Bertanggungjawab ke atas Alam Sekitar. Setakat ini sebanyak 203 kertas kerja berkenaan telah dibentang. Selain daripada itu sebanyak 33 garis

panduan telah disediakan bagi membantu pihak berkenaan dalam perancangan pembangunan.

Selaras dengan keutamaan yang diberikan oleh JAS kepada program pencegahan, prosedur kerja terus diperbaiki dan dipertingkatkan seperti tempoh pemprosesan laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA) yang telah berjaya dipercepatkan dari 6.2 bulan pada tahun 1988 kepada 2.7 bulan pada tahun 1994. Usaha-usaha lain yang turut dilaksanakan adalah: desentralisasi pemprosesan laporan EIA, pembentukan dan penerbitan garis panduan spesifik mengikut sektor, dan juga pendaftaran jururunding EIA.

Program-program pengawasan kualiti alam sekeliling yang merupakan salah satu aktiviti utama Jabatan masih diteruskan. Secara keseluruhannya perubahan status kualiti alam sekeliling berdasarkan kepada kualiti udara, sungai, pantai dan laut sepanjang dua dekad ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4. Peningkatan kualiti udara sebanyak 8% dari segi paras plumbum menunjukkan keberkesanan penguatkuasaan peraturan berkaitan dan juga bertambahnya penggunaan petrol tanpa plumbum.

Di arena antarabangsa, JAS turut memainkan peranan yang aktif. Antara persidangan-persidangan antarabangsa yang turut disertai termasuklah Persidangan Kemuncak Bumi (UNCED) di Rio de Janeiro dan konvensyen-konvensyen antarabangsa mengenai pengawalan pencemaran. JAS juga telah dilantik sebagai Pusat Tumpuan Kebangsaan (National Focal Point) bagi 6 program antarabangsa. Malaysia kini telah melangkah jauh daripada penjadualan untuk menghapuskan penggunaan bahan yang menipiskan lapisan ozon. Bagi kerjasama dua hala dan serantau, JAS turut memainkan peranan penting, contohnya antara Malaysia-Singapura atau MSJCE (Malaysia-Singapore Joint Committee on Environment), Malaysia-Denmark, Malaysia-Japan, Malaysia-Sweden, dalam Kumpulan-Kumpulan Kerja ASEAN dan sebagainya.

Di atas keprihatinan dan komitmen setiap lapisan rakyat, maka JAS akan terus berfungsi dan berkembang sebagai sebuah agensi mantap dan berupaya menghadapi cabaran untuk tahun-tahun yang akan datang.

### “MILESTONE” Jabatan Alam Sekitar

- 1974 • Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) diluluskan oleh Parlimen
- 1975 • Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 mula berkuatkuasa
- Bahagian Alam Sekitar ditubuhkan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar
  - Perlantikan Encik Hamzah Abdul Majid sebagai Ketua Pengarah Alam Sekitar
  - Penyertaan pertama kali JAS dalam Persidangan Undang-undang Laut Antarabangsa
  - Kehadiran Pertama ke Mesyuarat Tiga Negara (Indonesia, Malaysia, Singapura) mengenai Selat Melaka
  - Perlantikan sebagai Pusat Tumpuan Kebangsaan (National Focal Point) UNEP
  - Perlantikan ke “UNEP Governing Council” (1975-1977)
- 1976 • Bahagian Alam Sekitar ditempatkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
- Perlantikan Pegawai-Pegawai Kanan Teknikal (Kumpulan Perintis)
  - Pelaksanaan Rancangan Kontingensi Tumpahan Minyak di Selat Melaka
  - Pembentukan Garis Panduan Penempatan dan Pengezonan Industri
  - Rancangan Malaysia Ketiga: Komitmen untuk Melaksanakan Program EIA

- Pembentukan Jawatankuasa Penyelesaian Pencemaran Kuari Batu Caves
- 1977 ● Pembentukan Majlis Kualiti Alam Sekeliling dan Mesyuarat Pertama Majlis Kualiti Alam Sekeliling
- Pengwartaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pelesenan)
  - Pengwartaan Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas)
  - Pengwartaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah)
  - Pembentukan Garis Panduan bagi Langkah-Langkah Kawalan Pencemaran Udara Bagi Kilang-Kilang Kelapa Sawit
  - Penubuhan Rangkaian Kebangsaan Stesen Pengawasan Sungai
  - Penubuhan Rangkaian Kebangsaan Stesen Pengawasan Udara
  - Kajian Pencemaran Sungai Juru, Pulau Pinang
  - Kajian Pencemaran Laut (Bebola Tar) yang pertama dijalankan
  - Perlantikan Encik S.T. Sundram sebagai Ketua Pengarah Alam Sekitar,
- 1978 ● Pengwartaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih)
- Pengwartaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan)
  - Pengwartaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah)

- Pengwartaan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah)
  - Pembentukan Garis Panduan bagi Mencegah dan Mengawal Hakisan dan Kelodakan Tanah
  - Perlantikan sebagai "Malaysian National Correspondent" bagi UNEP/IRPTC
  - Penerimaan Garis Panduan Alam Sekitar mengenai Pengurusan dan Pemuliharaan Tanah dan Sumber Hutan oleh Majlis Tanah Negara
  - Mesyuarat Pertama "ASEAN Experts Group on the Environment" di Jakarta
  - Pelaksanaan ASEAN Environment Programme (ASEP) I
  - Kelulusan Kajian Kesan Alam Sekitar (EIS) yang pertama bagi 'Bintulu Regional Centre'
- 1979 ● Pengwartaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian)
- Perlantikan sebagai Pusat Tumpuan Kebangsaan (National Focal Point) UNEP/INFOTERRA
  - Penubuhan Unit Alam Sekitar di DARA dan KETENGAH untuk memberi input pembangunan
  - Pembentukan Garis Panduan bagi Penstoran, Pengutipan, Pengangkutan dan Pengendalian Buangan Domestik dan Buangan Am
  - Penganjuran Bengkel EIA yang pertama

- Penubuhan Jawatankuasa Ad Hoc Kebangsaan mengenai Pengurusan Sisa Pepejal
- Penerimaan Garis Panduan bagi Penempatan dan Pengezonan Industri oleh Majlis Tanah Negara
- Pelaksanaan Skim Pemisahan Trafik di Selat Melaka
- Kaji Selidik mengenai Bunyi Bising di Kawasan-kawasan Terpilih di Bandar dan Luar Bandar
- Pengukuran 'Sonic Boom'
- Penerimaan Prosedur EIA oleh Majlis Kualiti Alam Sekeliling dan Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara (NDPC)
- Penerimaan Garis Panduan bagi Pencegahan dan Pengawalan Hakisan Tanah dan Kelodakan oleh Jawatankuasa Perhubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- Pelancaran majalah 'SEKITAR'
- Seminar Pertama bagi Penyelaras Alam Sekitar Dalam Sektor Awam

1980 ● Konsep Pembangunan Berterusan diperkenalkan

- Pengesahan Draf 'Handbook on Environmental Impact Assessment Procedure and Guidelines' oleh Majlis Kualiti Alam Sekeliling
- Pembentukan Garis Panduan bagi Penstoran, Pengutipan dan Pengendalian Buangan Toksik dan Berbahaya
- Pembentukan Garis Panduan bagi Pengutipan, Pengendalian, Pengangkutan dan Pelupusan Buangan Klinikal dan Hospital

- Inventori Punca dan Pelepasan Pencemaran Udara diterbitkan
  - Kajian Alam Sekitar dan Tenaga di Malaysia
  - Pelancaran Kajian Pengeluaran dan Strategi Kawalan Buangan Toksik dan Berbahaya
- 1981 • Kes mahkamah yang pertama di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974/Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978
- Penubuhan Enam Pejabat Wilayah Jabatan Alam Sekitar
  - Kajian EIA yang pertama dilaksanakan
  - Kajian Bahan Buangan Toksik dan Berbahaya yang pertama dilaksanakan
  - Perlantikan semula Malaysia ke "UNEP Governing Council" (1981-1983)
  - Penubuhan Tabung "Revolving Fund Committee" untuk pencemaran minyak daripada kapal di Selat Melaka dan Singapura
  - Mesyuarat Pertama Menteri-Menteri ASEAN mengenai Alam Sekitar (AMME) di Manila
  - Kelulusan Laporan Formal EIA bagi Projek "Terengganu Crude Oil Terminal"
- 1982 • Tunjuk perasaan pertama oleh penduduk kampung mengenai pencemaran dari kilang kelapa sawit
- Pembentukan 'East Asian Seas Action Plan'

- Penubuhan Pasukan Petugas Bagi Membentuk Strategi Kawalan Buangan Ternakan Khinzir
  - Kejadian jerebu akibat pembakaran 3.5 juta hektar hutan di rantau ASEAN
  - Mata pelajaran 'Alam dan Manusia' diperkenalkan
- 1983 ● Bahagian Alam Sekitar dinaikkan taraf kepada Jabatan sepenuhnya
- Input untuk pindaan undang-undang kecil mengenai kerja tanah kepada DBKL dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
  - Penerimaan Garis Panduan bagi Mencegah dan Mengawal Hakis dan Kelodakan Tanah
  - Pelancaran Rangkaian Hujan Asid di Lembah Kelang
- 1984 ● Perlantikan Encik A. Maheswaran a/l Appadurai sebagai Ketua Pengarah JAS
- Penempatan Pegawai Kanan JAS di Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi memberi input dalam perancangan pembangunan (Rancangan Malaysia Kelima)
  - Pembentukan Garis Panduan Bagi Pembangunan Zon Pantai
  - Pengenalan tapak-tapak pelupusan akhir bagi buangan toksik dan berbahaya dimulakan
  - Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Timur Laut (Terengganu/Kelantan)
  - Perlantikan semula Malaysia ke "UNEP Governing Council" (1984-1986)

- Pelaksanaan 'Exercise Malacca 1984' untuk menilai kecekapan Pelan Kontingensi Kebangsaan bagi Tumpahan Minyak di Selat Melaka

1985 • Pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974

- Pengwartaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum dalam Gasolin Motor)
- Kajian bagi Pembentukan Kriteria dan Standard Kualiti Air yang pertama
- Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Perak
- Pelaksanaan Rancangan Kontingensi Kebangsaan bagi Tumpahan Minyak di Laut China Selatan dan Selat Melaka
- Rombakan Semula Struktur Organisasi Jabatan Alam Sekitar
- Pembentukan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan mengenai Perlindungan Lapisan Ozon
- Penerimaan Cadangan Kerjasama dalam Pengurusan Alam Sekitar antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat oleh Mesyuarat Menteri-Menteri Besar/Kota Menteri
- Kajian Inventori Pencemaran\* Air dan Pengenalpastian Kumbahan sebagai Punca Utama Pencemaran Air
- Pengelibatan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam Majlis Kualiti Alam Sekeliling bagi pembentukan dasar mengenai alam sekitar
- Penyediaan terbitan kebangsaan bertajuk "Environmental Perspectives to the Year 2000 and Beyond"

- 1986 • Penubuhan Akaun Amanah Kesedaran & Pendidikan Alam Sekitar
  - Soal Selidik Pertama mengenai Tahap Kesedaran Alam Sekitar di Kalangan Orang Ramai
  - Perlantikan Encik Goh Kiam Seng sebagai Ketua Pengarah Alam Sekitar
  - Perlantikan sebagai Pusat Tumpuan Kebangsaan (National Focal Point) bagi Program Kerjasama ASEAN mengenai Sains Marin
  - Pelaksanaan Projek Pengurusan Sumber Pantai Fasa I
- 1987 • Pengwartaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor)
  - Pengwartaan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling)
- 1988 • Penubuhan Unit Alam Sekitar di Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA)
  - Kajian Kriteria dan Standard Kualiti Udara Baru dimulakan
  - Mesyuarat Pertama Menteri dan Ahli-Ahli EXCO yang Bertanggungjawab ke atas Alam Sekitar (MEXCOE) di Sarawak
  - Perlantikan sebagai Ahli Kumpulan Pakar Mendraf Konvensyen Basel
  - Kajian untuk Penubuhan Rangkaian Stesen Pengawasan Air Bawah Tanah dimulakan
- 1989 • Pengwartaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual)

- Pengwartaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual)
  - Pengwartaan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual)
  - Pengwartaan Perintah Kastam Melarang Import Klorofluorokarbon
  - Deklarasi Langkawi
  - Merangka Strategi Kebangsaan bagi Perlindungan Lapisan Ozon
  - Penerimaan Kertas Kerja 'Awareness and Preparedness of Emergency at Local Level' (APELL) oleh MEXCOE
  - Menjadi Parti kepada Konvensyen Vienna dan Protokol Montreal
  - Pembentukan Kriteria dan Standard Kualiti Udara
- 1990 ● Perjanjian Kuala Lumpur mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Kuala Lumpur Accord)
- Perlantikan Dr. Abu Bakar Jaafar sebagai Ketua Pengarah Alam Sekitar
  - Kepekatan plumbum dalam petrol dikurangkan dari 0.4 gm/liter kepada 0.15 gm/liter
  - Kumpulan 'ASEAN Senior Officials on the Environment' (ASOEN) ditubuhkan
- 1991 ● Penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Mengulangkaji Undang-Undang Alam Sekitar

- Perlantikan ke Jawatankuasa Eksekutif 'Interim Multilateral Fund' (IMF), Protokol Montreal
- Penubuhan Jawatankuasa Bersama Malaysia, Singapura Mengenai Alam Sekitar
- Pembentukan Program Negara bagi Bahan-Bahan yang Menipiskan Lapisan Ozon
- Pengisytiharan 21 Oktober sebagai Hari Alam Sekitar Malaysia
- Penyampaian Anugerah Langkawi yang pertama
- Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan
- Pembentangan Dasar Pembiayaan Projek-Projek Pembentungan
- 1992 ● Kajian Pertama Terhadap Pengurusan Kualiti Udara di Lembah Kelang
- Input Alam Sekitar kepada proses perundingan UNCED
- Kehadiran di Persidangan Rio mengenai Pembangunan dan Alam Sekitar (UNCED)
- Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah/Perlis
- Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka
- Penyampaian Anugerah Kewartawanan Alam Sekitar yang pertama
- Menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai Program Pengawasan Udara dengan PDRM
- Perlantikan semula ke 'UNEP Governing Council' (1992-1995)

- memenangi Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam bagi Pengurusan Teknologi Maklumat
  - Penubuhan Pasukan Petugas bagi Pengurusan Buangan Plastik
  - Penerimaan Kertas Kerja Pengurusan Air Bawah Tanah oleh Mesyuarat Menteri-Menteri Besar/Ketua Menteri
- 1993 ● Pembentangan Laporan Jawatankuasa Ulangkaji Undang-Undang
- Kerajaan Negeri Sembilan meluluskan secara prinsip cadangan penempatan tapak Projek Kemudahan Bersepadu bagi Mengendalikan Buangan Terjadual di Bukit Nanas, Negeri Sembilan
  - Penubuhan Pejabat Urusan Projek Protokol Montreal
  - Pengwartaan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Larangan ke atas Penggunaan Klorofluorokarbon dan Lain-lain Gas sebagai Propelan dan Agen Pengembang)
  - Pengwartaan Perintah Kastam Melarang Import Buangan Toksik dan Berbahaya
  - Pengwartaan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa Kawalan Pencemaran Marin)
  - Kajian di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia-German dijalankan untuk mengenalpasti kepekatan gas-gas berbahaya yang dikeluarkan oleh kenderaan bermotor
  - memenangi Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik yang pertama
  - memenangi Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam bagi Pengurusan Teknologi Maklumat untuk kali kedua

- Memenangi Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam bagi Kaunter Terbaik
  - Malaysia meratifikasikan Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Buangan Toksik dan Berbahaya Merentas Sempadan
- 1994 ● Perlantikan sebagai Pengerusi bagi “Executive Committee (EXCOM) of the Montreal Protocol Multilateral Fund”
- Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Negri Sembilan
  - Pelancaran Sistem Komputerisasi Perpustakaan “Columbia Library System”
  - Pelancaran Projek Klorofluorokarbon yang pertama (MAC)
  - Penyampaian Anugerah Perlindungan Lapisan Ozon Malaysia
  - Pembentukan Pelan Tindakan Udara Bersih
  - Memenangi Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik untuk kali kedua
  - Memenangi Anugerah Kualiti Ketua Pengarah MAMPU
  - Pelaksanaan “Exercise 94” – Kawalan Pencemaran Laut
  - Penyediaan Laporan Strategi Pengurusan Buangan Plastik
  - Persiapan Draf Dasar Alam Sekitar Negara
- 1995 ● Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan


- Pendakwaan pertama di bawah Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) bagi Pencemaran Laut
- Pengswastaan Program Pengawasan Kualiti Udara
- Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Larangan terhadap Penggunaan Bahan Terkawal di dalam Sabun, Bahan Cuci Sintetik dan Agen Pencuci Lain)
- Kajian Terhadap Kesedaran Alam Sekitar di Kalangan Orang Ramai
- Pemeteraian Perjanjian Dua Hala Malaysia – Amerika Syarikat mengenai Pergerakan Buangan Terjadual ke Amerika Syarikat



**Rajah 3. Jabatan Alam Sekitar: Indikator-Indikator Mikro Prestasi Program Kawalan Alam Sekitar, 1975-1994**

Nota:

- + Pembaikan
- Penurunan



**Rajah 4. Jabatan Alam Sekitar: Indikator-Indikator Makro Prestasi Program Kawalan Alam Sekitar, 1977-1994.**

**Nota:**

- + Pembaikan
- Penurunan

